



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada di kalangan kontraktor-kontraktor **Bumiputera** di daerah **Kuala Muda** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta masih dibenarkan membuat tawaran adalah dipelawa membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut : -

BIL.	NO. SEBUTHARGA	PROJEK	KOD BIDANG	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1.	13 /2017	Sebutharga Cadangan Pengindahan dan Naiktaraf Lanskap di Persimpangan Jalan Utama Plaza Tol Utara, Bandar Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE14 (Lanskap) dan CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	Hadapan Billboard Persimpangan Jalan Utama Plaza Tol Utara, Sungai Petani	9.30 pagi	31 Julai 2017 (Isnin)
2.	14 /2017	Sebutharga Cadangan Pengindahan dan Naiktaraf Lanskap di Persimpangan Jalan Utama Plaza Tol Selatan, Bandar Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE14 (Lanskap) dan CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	Hadapan Billboard Persimpangan Jalan Utama Plaza Tol Selatan, Sungai Petani (Pasaraya Giant)	11.00 pagi	31 Julai 2017 (Isnin)

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) dan mestilah membawa bersama sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**.

HARGA DOKUMEN : RM 10.00 SENASKAH (TUNAI)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan)** mulai **31 Julai 2017 (Isnin)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad – Rabu : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
2.15 petang hingga 4.45 petang

Khamis : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
2.15 petang hingga 3.15 petang

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebutharga.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **06 Ogos 2017 (Ahad)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.